

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : ISNIN, 30 MAC 2015

RUJUKAN : L9 [PR-1331-L67331]

SOALAN :

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina jambatan yang akan menghubungkan Labuan dengan Sabah. Jika ada, bila.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, pada masa kini Kerajaan tidak ada rancangan untuk membina jambatan yang menghubungkan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Negeri Sabah.

Sebagai alternatif, satu Kajian Pembinaan Terminal dan Jeti Feri Labuan-Menumbok/Mempakul telah disiapkan pada 1 Julai 2014. Rentetan daripada kajian tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 telah memohon untuk mendapatkan peruntukan bagi pembinaan terminal dan jeti baru di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pembinaan terminal dan jeti baru ini dijangka akan dapat meningkatkan perkhidmatan perhubungan antara Labuan dengan Sabah dan pada masa yang sama dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang teruk di Pusat Bandar Labuan.

Kementerian Wilayah Persekutuan berpandangan cadangan pembinaan jeti yang baru ini akan dapat menyelesaikan masalah perhubungan dengan tanah besar Sabah yang sudah lama dideritai oleh rakyat Wilayah Persekutuan Labuan. Walaupun apa yang diimpi-impikan oleh mereka sebenarnya ialah pembinaan sebuah jambatan yang menghubungkan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Sabah, namun pembinaan jeti dan feri yang baru ini akan dapat mengurangkan sedikit masalah yang membelenggu warga Wilayah Persekutuan Labuan selama ini.